

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 14/4/2012 |

Seruan Dr. Mahathir kepada rakyat demi menjamin kemajuan negara

Nasihat pilih kerajaan dengan bijak

UM-14/4/2012

Oleh **METRA SYAHRIL MOHAMED**
metra.mohamed@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 13 April - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan rakyat agar bijak memilih parti yang diyakini mampu membentuk kerajaan yang kuat.



MAHATHIR MOHAMAD

Menurut beliau, ini kerana sebagai negara membangun, Malaysia memerlukan kerajaan yang mempunyai keupayaan dalam menjamin kestabilan negara.

“Sudah pasti pakatan (pembangkang) tidak mampu berbuat demikian.

Rakyat perlu sedar akan perkara ini dan memilih kerajaan dengan bijak. Mereka tidak seharusnya membenarkan sentimen perkauman mengaburi pemikiran waras.

“Sudah sekian lama Malaysia menikmati keamanan dan pembangunan di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN). Secara jujur tidak ada sesiapa di negara ini boleh berkata bahawa mereka tidak pernah mendapat faedah daripada pentadbiran BN,” katanya dalam entri terbaru blognya di <http://chedet.cc/blog> hari ini.

Jelasnya, konsep ‘kerajaan campuran’ yang melibatkan kepelbagaian parti dalam BN sejak sekian lama bergerak dengan baik

dan ia cuba ditiru oleh pembangkang.

“Pakatan (pembangkang) pada hari ini adalah satu pakatan yang longgar dan terasing melibatkan tiga parti iaitu Pas, Parti

Keadilan Rakyat dan DAP.

“Ada elemen lain yang diperlukan bagi membolehkan sesebuah pakatan atau gabungan itu bergerak. Walaupun ia adalah

pakatan yang sama rata, ia memerlukan teras yang kukuh.

“Teras itu akan bertindak selaku ‘pengadil’ apabila komponen-komponen lain

gagal untuk mencapai kata sepakat dalam sesuatu isu. Secara jelasnya, parti-parti dalam BN saling bergantung antara satu sama lain,” katanya.